# Enam kanak-kanak disengat ubur-ubur berbisa di Kelantan

HM 04/03/24 m/s 4

**Kota Bahru:** Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kelantan menerima enam kes sengatan ubur-ubur berbisa spesies Physalia Physalis melibatkan enam kanak-kanak berusia satu hingga 11 tahun, Jumaat lepas.

Pengarahnya Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kes sengatan ubur-ubur yang turut dikenali sebagai Portuguese Man o' war itu dikesan di Bachok iaitu dua kes di Pantai Melawi, manakala empat kes di Pantai Baru di sini.

Beliau berkata, kesemua mangsa diberikan rawatan awal di Klinik Kesihatan Bachok dan telah dirujuk ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh serta Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian.

Menurut Dr Zaini mangsa yang terkena sengatan akan mengalami gejala kesakitan, bengkak dan gatal-gatal pada tempat sengatan.

"Kesemua mangsa, bagaimanapun telah dibenarkan pulang setelah pemeriksaan kesihatan mendapati keadaan mereka stabil," katanya.

Beliau berkata, tiada antivenom untuk bisa yang disebabkan oleh sengatan ubur-ubur spesies berkenaan dan rawatan yang diberikan adalah untuk melegakan gejala.

Sehubungan itu, Dr Zaini menasihati orang ramai supaya berwaspada dengan tidak berenang di kawasan yang telah disahkan kehadiran hidupan berkenaan serta tidak menyentuh sehingga keadaan selamat dan makluman rasmi dikeluarkan oleh pihak berkenaan.

"Sekiranya terkena sengatan, orang ramai diminta segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran," katanya.

Difahamkan, spesies ubur-ubur itu telah dikesan di perairan Pahang dan Terengganu serta mempunyai sengatan berbisa dan boleh membawa kematian.

> "Kesemua mangsa, bagaimanapun telah dibenarkan pulang
> Dr Zaini



UBUR-UBUR berbisa spesies Physalia Physalis sangat berbahaya dan boleh menyebabkan kematian.